

Strategi dalam Ekonomi MADANI akan jana pulangan lebih baik, gaji lebih tinggi - KRI
Astro Awani
28 Julai 2023
Bernama

KUALA LUMPUR: Strategi berkaitan pembangunan industri, digitalisasi dan pelaburan dalam Ekonomi MADANI dijangka merancakkan aktiviti ekonomi pantas memberi pulangan lebih baik kepada perniagaan dan gaji lebih tinggi kepada pekerja di sektor swasta dan awam, kata Pengerusi Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata Ekonomi MADANI merupakan satu kerangka menyeluruh serta seimbang dalam meletakkan Malaysia pada landasan yang lebih baik untuk masa hadapan, dengan mengenal pasti cabaran penting yang perlu ditangani.

"Menyedari hakikat bahawa tumpuan kepada pembangunan ekonomi semata-mata boleh menyebabkan ketidakseimbangan antara wilayah dan komuniti justeru, polisi berkaitan perlindungan sosial dijangka mampu merapatkan jurang sedia ada," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata reformasi tatakelola dan sistem penyampaian perkhidmatan akan memperkukuh keyakinan rakyat dan pelabur luar, sekaligus memulihkan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

"Ekonomi MADANI yang menumpukan pemerksaan rakyat dan pembangunan ekonomi mampan mencerminkan komitmen bersama ke arah Malaysia makmur," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam melancarkan Ekonomi MADANI, kerangka ekonomi yang bertujuan mengangkat semula ekonomi Malaysia, akan membawa limpahan hasil bagi membolehkan rakyat menikmati kehidupan lebih berkualiti.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata pengumuman 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' adalah satu rencana menyeluruh bagi Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dan isu berkaitan daya saing dan tarikan negara sebagai destinasi pelaburan serta menggariskan tindakan bagi menangani isu semasa yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat.

Ia perihal mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan dua tumpuan utama iaitu menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia, dan akhirnya memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih berkualiti, katanya.

-- BERNAMA

© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/strategi-dalam-ekonomi-madani-akan-jana-pulangan-lebih-baik-gaji-lebih-tinggi-kri-430064>